

Untuk Siaran Segera

Majlis Getah Malaysia Mempertingkatkan Promosi Bagi Memupuk Kesedaran Tentang Kualiti Sarung Tangan Getah Buatan Malaysia

KUALA LUMPUR, 17 November 2021 – Majlis Getah Malaysia (MRC) telah mempergiatkan aktiviti promosi dan pengiklanannya untuk memperkukuhkan jenama dan produk getah buatan Malaysia di persada tempatan melalui satu inisiatif Pengumuman Khidmat Awam (PSA) bersama Keretapi Tanah Melayu (KTM).

Inisiatif ini akan dilaksanakan melalui paparan aset serba informatif yang bakal di paparkan di belakang tempat duduk, panel poster, panel atas kepala dan balutan kereta api. Dirancang untuk digunapakai di sepanjang laluan Lembah Klang ke Seremban selama 12 bulan, PSA ini akan bermula pada bulan November 2021 sehingga November 2022.

“Selaras dengan slogan kami ‘Tiada Yang Lebih Arif Tentang Getah Melainkan Malaysia’, inisiatif ini adalah sebahagian daripada usaha MRC untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada orang awam mengenai getah dan produk getah yang sedia ada,” kata Ketua Pegawai Eksekutif MRC, Encik Nor Hizwan Ahmad.

Inisiatif ini juga adalah satu usaha MRC untuk menyuntik elemen kemanusiaan pada produk getah serta memperkenalkan Malaysia sebagai sumber dan produk getah yang berkualiti tinggi dan lestari. Secara langsung, usaha ini dapat membantu menggalakkan pembelian produk getah secara pukal dari dalam dan luar negara.

“Pengeluar Malaysia telah memainkan peranan yang amat penting dalam membekalkan sarung tangan getah perubatan yang berkualiti tinggi ke serata dunia sejak bermulanya pandemik Covid-19. Sarung getah perubatan kita telah melindungi tangan jutaan pekerja perubatan dan petugas barisan hadapan daripada berlakunya penyebaran wabak tersebut. Menerusi slogan ‘Kami Lindungi Tangan Yang Menjaga Jutaan Nyawa’, kami berharap pencapaian ini dapat dikongsi dengan semua rakyat Malaysia,” katanya.

Sarung tangan getah Malaysia sememangnya terkenal dengan kualiti dan kebolehpercayaannya yang konsisten. Oleh yang demikian, tidak hairanlah ia telah pun dieksport ke 195 negara. Bagi memastikan piawai ini tercapai, semua pengeluar sarung tangan getah perubatan, termasuk pembungkus semula sarung getah perubatan secara pukal dikehendaki untuk mematuhi Amalan Pengilangan Baik (GMP) yang menekankan kualiti, kebersihan, integriti produk dan kebertanggungjawaban.

Tambahan lagi, semua pengeluar dan pengedar sarung tangan getah perubatan perlu berdaftar dan diaudit secara berkala bagi memastikan hanya sarung tangan getah perubatan yang berkualiti diedarkan secara komersial. Pembungkusan semula sarung tangan getah perubatan secara pukal juga diselia secara

berterusan bagi mengesan dan mencegah aktiviti pembungkusan semula produk-produk palsu.

Encik Nor Hizwan Ahmad menegaskan bahawa getah yang dikeluarkan oleh pembekal Malaysia, bermula dari bahan getah mentah hingga kepada pelbagai produk akhir berasaskan getah, mempunyai kualiti yang terbaik dan menepati piawaian antarabangsa.

“Sebagai sebuah agensi yang diberikan mandat untuk membantu kerajaan dalam pembangunan industri getah, adalah menjadi tanggungjawab kami untuk memastikan peranan Malaysia sebagai pengeluar dan pembekal getah dan produk getah bertaraf dunia dikenali bukan sahaja di seluruh dunia, tetapi juga di persada tempatan. Perlaksanaan PSA ini adalah untuk memenuhi mandat tersebut,” ujar beliau.

Beliau menambah kemajuan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta teknologi pembuatan merupakan pemacu kepada inovasi produk getah negara.

“Pengeluar getah tempatan sudah mula menerapkan Industri 4.0 melalui aplikasi robotik, digitalisasi, analitik, dan pengumpulan data secara semasa menggunakan sensor kawalan jauh di fasiliti pengeluaran mereka. Pengurusan dan operasi mereka secara keseluruhan telah menjadi lebih efisien, jimat dan berkualiti tinggi,” ulas beliau lagi.

Pengeluar getah Malaysia juga telah menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap tanggungjawab sosial dan berusaha untuk mencapai amalan lestari dalam aktiviti seharian mereka.

Oleh itu, MRC sentiasa memberi sokongan penuh dalam menjayakan segala usaha kelestarian terutama sekali aktiviti yang dapat memberikan impak positif terhadap masyarakat dan alam sekitar.

Dengan sokongan penuh daripada MRC, inisiatif serta komitmen kelestarian mereka dapat berpaksi kepada kesihatan dan kesejahteraan masyarakat setempat, serta pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dalam memastikan kesan yang lebih mampan.

[TAMAT]
